

TR 4:8:74

**UCAPAN PERDANA MENTERI MENERUSI
RADIO SEBAGAI PENGERUSI BARISAN
NASIONAL KETIKA MELANCARKAN SIRI
CERAMAH POLITIK DI RADIO MALAYSIA
PADA 11HB OGOS, TAHUN 1974**

Saudara-saudara sekalian.

Saya merasa gembira kerana mendapat peluang berucap menerusi Radio Malaysia malam ini untuk memulakan Siri Ceramah di Radio menjelang pilihanraya tahun 1974 yang akan dilangsungkan pada 24hb Ogos, 1974 ini.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah memberi sokongan kepada Parti Perikatan dan Kerajaan Perikatan pada pilihanraya-pilihanraya yang lalu dan khasnya kepada Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin sekarang ini semenjak tahun 1970. Dalam pilihanraya tahun 1969 dahulu. Parti Perikatan telah terns berkuasa dan mendapat kelebihan undi yang terbesar dan telah memegang tampok Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri kecuali Kelantan dan Pulau Pinang.

Bagaimanapun, setelah mengalami peristiwa 13 Mei dan memandangkan kepentingan Negara, memandang kepada kepentingan masa depan Negara kita serta pandangan jauh pemimpin-pemimpin politik tanahair, Parti Perikatan telah berjaya raengadakan persefahaman dan kerjasama politik dengan membentuk Kerajaan Campuran yang bermula dengan SUPP di Sarawak dan kemudiannya di Pulau Pinang dengan Parti Gerakan, dan Perak dengan PPP dan akhirnya dengan PAS di kedua-dua peringkat Pusat dan Negeri.

Saya sangat puas hati dengan persefahaman dan kerjasama penuh yang telah diberi oleh Parti-parti Politik yang dahulunya menentang Parti Perikatan kerana ini telah dapat menstabilkan kedudukan politik Negara dan memberi kekuatan kepada Kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah rakyat seluruhnya. Lanjutan dari persefahaman politik inilah kita telah melangkah setapak lagi menubuh Barisan Nasional.

Tidak syak lagi Barisan Nasional yang terdiri daripada sembilan parti Politik—UMNO, MCA, MIC, PAS, Gerakan, SUPP, PPP, Perikatan Sabah dan Perikatan Sarawak adalah perkembangan yang lojik dari pertumbuhan dan kemajuan politik di Malaysia, dan merupakan perkembangan penting dan besar maknanya dalam usaha kita menyatupadukan rakyat di Negara kita di samping mengukuhkan politik Negara.

Penubuhan Barisan Nasional telah mengurangkan pertelingkahan politik di antara Parti-parti. Dengan itu dapatlah Kerajaan dengan kerjasama rakyat menumpu sepenuh usaha dan tenaga kepada pembangunan serta menambahkan kemakmuran dan kebahagiaan untuk rakyat dan Negara.

Saudara-saudara sekalian.

Saya sangat berbangga dan bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pada hari menamakan calon, iaitu tiga hari dahulu, Barisan Nasional telah memenangi empat puluh tujuh kerusi kawasan Parlimen dan empat puluh tiga kerusi kawasan Negeri tanpa bertanding. Ini adalah jelas menunjukkan kerjasama dan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan kepada Kerajaan yang saya pimpin pada hari ini. Saya yakin dan percaya sokongan yang kuat ini akan memberi perangsang dan galakan kepada pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong Barisan Nasional di kawasan-kawasan yang masih bertanding itu untuk bekerja dengan giat bagi menjamin kemenangan calon-calon Barisan Nasional.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam pilihanraya kali ini, Parti-parti dalam Barisan Nasional adalah bertanding sebagai satu Parti dengan menggunakan satu simbol sahaja, iaitu 'DACING'. Simbol ini adalah melambangkan keadilan, iaitu keadilan dasar Parti, keadilan cara pelaksanaan dasar itu dan keadilan tujuan Parti bagi membina suatu masyarakat adil di Negara kita di mana kekayaan-kekayaan akan dapat dibahagi dengan cara yang adil dan saksama. Barisan Nasional telahpun meletakkan calon-calon yang berkebolehan dan yang jujur serta bersedia berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Oleh itu saya yakin dan percaya kalau rakyat memberi sokongan penuh kepada calon-calon Barisan Nasional ini, bukan sahaja kepentingan mereka akan dikawal dan diperhatikan dengan beratnya bahkan Negara kita akan meningkat maju dari semasa ke semasa.

Sebenarnya, seperti saya katakan dahulu, Kerajaan yang ada sekarang masih mempunyai tempoh lapan belas bulan lagi untuk memerintah tetapi saya telah memutuskan mengadakan pilihanraya lebih awal kerana saya ingin mengetahui setakat mana sokongan rakyat kepada Barisan Nasional dan dasar-dasar yang diperjuangkannya. Bagaimanapun, saya yakin sekurang-kurangnya 80% rakyat Negara ini menyokong Barisan Nasional dan dasar-dasar yang dijelankannya dan saya penuh harapan dalam pilihanraya kelak, seratus peratus rakyat akan menyokong Barisan Nasional.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang disebutkan dalam Manifesto yang dikeluarkan tempoh hari, saya bersedia lagi memikul tanggungjawab penuh bagi meneruskan perjuangan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi jiwa, harta benda dan hak rakyat; memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dalam negeri; menentukan kedudukan negara kita berada di tempat yang mulia dan dihormati dalam gelanggang politik antarabangsa dengan mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali dan aktif; melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya dan melahirkan masyarakat adil yang bersatupadu dan makmur sesuai dengan Rukunegara.

Sudah tertentulah matalamat-matalamat yang murni itu tidak dapat dicapai tanpa sokongan kuat dari saudara-saudara sekalian. Saya telah terangkan terutama dalam rapat-rapat raksaksa yang diadakan oleh Barisan Nasional di seluruh negara mengenai konsep dan cita-cita Barisan Nasional dan saya percaya saudara-saudara sudahpun faham benar hasrat dan cita-cita Barisan Nasional itu.

Bagaimanapun, suka saya mengulangi iaitu adalah menjadi hasrat dan tujuan kita mengadakan Kerajaan yang bersifat nasional yang diwakili oleh berbagai kaum di negara kita. Orang-orang Melayu dalam Parti UMNO dan PAS tetap akan diwakili sepenuhnya dalam Kerajaan tetapi kita tidak mahu hanya orang-orang Melayu saja yang berkuasa. Kita juga berkehendakkan orang-orang China dan India menyertai Kerajaan di kedua peringkat Pusat dan Negeri. Oleh itu, sekiranya orang-orang China dan India hendak diwakili dengan berkesan dalam Kerajaan, mereka hendaklah menyokong dan mengundi calon-calon dalam Barisan Nasional. Sekiranya mereka mengundi calon-calon China dan India dalam parti lawan, saya bimbang mereka tidak akan

mempunyai wakil dalam Kerajaan untuk menyuara masalah-masalah dan menjaga kepentingan mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam ucapan-ucapan saya di merata-rata tempat dalam beberapa tahun ini, saya seringkali menegaskan bahawa faktor utama bagi keamanan dan kemakmuran negara kita ialah perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat berbilang bangsa dalam negara kita. Saya harap saudara-saudara akan sentiasa ingat akan hakikat ini dan terus berusaha memupuk perasaan muhibbah setiap masa. Rakyat hendaklah mengelak dari membuat sebarang perkara yang boleh menimbulkan syak wasangka dan curiga yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan rakyat.

Dalam hubungan ini, anasir-anasir jahat baik dari kalangan penganas Komunis dan ejen-ejen mereka dan juga anasir-anasir anti-nasional akan terus menjalankan dakwah mereka untuk merosakkan ketenteraman dalam negara. Kita hendaklah mengawasi dan mengelak diri kita dari dipengaruhi oleh mereka.

Pada masa ini kita sedang menghadapi ancaman dari saki baki penganas Komunis yang bergerak di hutan dan juga ejen-ejen mereka yang bergerak di kalangan kita di bandar-bandar dan pekan-pekan. Dalam Operation Seri Aman yang dijalankan di Sarawak, Kerajaan telah memberi peluang kepada penganas supaya menghentikan perjuangan mereka dan kembali ke pangkuan masyarakat. Ramai di antara mereka yang telah berbuat demikian. Di Semenanjung Malaysia, saya juga bersedia menerima perletakan senjata mereka, tetapi kalau mereka berdegil juga meneruskan keganasan mereka, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk terus memburu dan menghapuskan mereka.

Dalam rundingan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung di Peking baru-baru ini, Pengerusi Mao telah menjelaskan bahawa masalah penganas komunis adalah masalah dalam negeri dan kita boleh mengambil apa saja tindakan yang perlu terhadap mereka. Ini jelas membuktikan bahawa penganas-penganas itu tidak mendapat sokongan daripada mana-mana pihak dan perjuangan mereka adalah sia-sia sahaja.

Saudara-saudara sekalian.

Negara kita telah mencapai kemajuan pesat dalam bidang pembangunan semenjak kita mencapai kemerdekaan tujuh belas

tahun dahulu. Rancangan Malaysia Kedua, apabila dilaksanakan sepenuhnya kelak, sudah tentu akan menambah kemajuan dan kemakmuran negara. Selama tiga tahun setengah kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan memberi peluang kepada setiap rakyat dari berbagai kaum untuk menikmati kemakmuran negara dan menyusun semula masyarakat supaya menikmati kehidupan yang lebih adil dan saksama. Dasar Ekonomi Baru mempunyai matalamat jangka panjang dan berkehendakkan masa hampir dua puluh tahun untuk mencapainya. Dalam masa tiga setengah tahun itu kita telah banyak mencapai kejayaan dan saya percaya dengan sokongan dari saudara-saudara sekalian kita akan mencapai sepenuhnya matalamat dalam masa yang dijangkakan itu.

Sungguhpun Dasar Ekonomi Baru memberi peluang yang lebih kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra lain, tetapi ini tidaklah bermakna orang-orang bukan Melayu akan hilang hak milik mereka. Tujuan kita ialah hendak mengurangkan perbezaan yang terdapat sekarang ini supaya kekayaan negara dapat dinikmati oleh berbagai golongan rakyat di negara kita dengan lebih adil.

Saya syukur pada masa ini kita tidaklah menghadapi masalah ekonomi dan sosial yang berat. Rakyat adalah menikmati taraf hidup yang lebih baik. Sungguhpun begitu, saya berasa dukacita sedikit iaitu ketika rakyat terutama petani-petani di luar bandar sedang menikmati harga yang lumayan bagi hasil keluaran mereka seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya, mereka terpaksa menghadapi keadaan kenaikan harga atau inflasi. Akan tetapi kita harus maklum bahawa inflasi ini adalah gejala yang berlaku di seluruh dunia dan tidak ada negara yang membangun di dunia yang terlepas dari kesannya. Sungguhpun begitu, langkah-langkah tegas telah diambil oleh Kerajaan mengurangkan tekanan inflasi ini kepada rakyat. Sebenarnya inflasi di negara kita tidaklah seburuk yang dibayangkan oleh pihak pembangkang, malah kalau dibanding dengan negara-negara lain, negara kita adalah jauh lebih baik. Kerajaan Barisan Nasional berazam terus mengawasi keadaan inflasi ini dan akan mengambil segala langkah yang sesuai untuk mengurangkan bebanan rakyat akibat inflasi ini.

Saudara-saudara sekalian.

Kejayaan kita yang paling besar ialah dalam bidang dasar luar negeri. Dasar luar kita yang bebas, berkecuali dan aktif telah

mbolehkan kita mengadakan perhubungan dengan negara-negara besar dan kecil tidak kira ideoloji dan sistem pentadbiran mereka. Kejayaan kita menjalinkan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China merupakan kemuncak kejayaan kita terutama dalam usaha mewujudkan Wilayah Asia Tenggara ini sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Perhubungan baik kita dengan negara-negara Islam telah membawa munafaat dari beberapa segi terutama dalam menegakkan persaudaraan Islam dan tambahan perdagangan. Kejayaan kita mengadakan persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Kuala Lumpur tidak lama dulu telah mengharumkan nama Malaysia di kalangan dunia Islam. Usaha-usaha kita yang giat terhadap perpaduan umat Islam melalui projek-projek seperti Bank Pembangunan Islam yang dipelupuri oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra telah meletakkan Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam.

Kejayaan kita yang besar dalam bidang dasar luar negeri ialah perhubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat China. Sebagaimana yang saudara-saudara tahu, dalam lawatan saya ke R R C baru-baru ini, saya dan rombongan diberi sambutan hangat dan meriah oleh Kerajaan dan rakyat R R C. Di mana-mana saja saya melawat, sambutan amat hangat sekali. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan R R C menyokong dasar-dasar yang kita jalankan baik dalam negeri mahupun dasar luar negeri. Mereka menghargai dasar dalam negeri kita yang jujur dan adil yang menjaga kepentingan semua pihak rakyat dan dasar luar negeri kita yang benar-benar realistik yang bertujuan mewujudkan keamanan dan ketenteraman di rantau ini.

Pengerusi Mao Tse-tung dan saya telah berunding secara mesra dan terus terang. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin R R C yang lain. Berkenaan masalah dalam negeri, kami bersetuju iaitu rakyat Malaysia keturunan China yang telah mengambil kerakyatan Malaysia tidak lagi menjadi rakyat R R C dan mereka tidak mempunyai apa-apa perhubungan lagi dengan R R C. Mereka hendaklah menumpukan taat setia sepenuhnya kepada negara Malaysia. Berkenaan dasar luar negeri, Kerajaan R R C adalah menyokong usaha kita hendak menjadikan wilayah Tenggara Asia sebagai kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Saudara-saudara sekalian.

Kembali kepada soal pilihanraya, Manifesto Barisan Nasional juga menjelaskan rancangan-rancangan yang akan dijalankan untuk faedah rakyat seluruhnya dalam semua bidang terutama dalam bidang ekonomi dan sosial. Kita mengemukakan dasar-dasar yang konkrit, praktikal dan adil. Dasar-dasar yang semacam inilah yang tidak dapat dikemukakan oleh parti-parti pembangkang. Mereka hanya melaung-laungkan issue-issue kecil dan memainkan sentimen sahaja untuk mendapatkan sokongan. Saya percaya, sebagai pengundi-pengundi yang bijaksana, saudara-saudara tidak akan terpengaruh dengan dakwah dan kata-kata serta janji-janji mereka itu.

Manifesto Barisan Nasional, sebagai yang saya sebutkan awal ucapan saya tadi, mengemukakan lima matlamat besar dan penting yang akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh apabila Kerajaan Barisan Nasional berkuasa semula. Kerajaan Perikatan dulu dan Barisan Nasional sekarang mempunyai rekod yang cemerlang dalam pentadbiran negara ini dan saya tidak ragu-ragu saudara-saudara akan memberi mandat baru kepada kami untuk terus memerintah negara Malaysia yang dikasihi ini.

Undi untuk Barisan Nasional bererti undi untuk keadilan dan kemakmuran untuk semua rakyat dan jaminan kepada masa hadapan yang gemilang kepada saudara-saudara dan jenerasi akan datang. Undilah Barisan Nasional!